



Johan Mahmood

Pelaksanaan SST kurangkan kesan kepada rakyat berbanding GST

Kuala Lumpur: Pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) akan mengurangkan kesan kepada rakyat biasa berbanding Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dianggap terlalu mendadak.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood berkata disebabkan itu pemilihan SST sangat bertepatan kerana pendekatan yang diambil lebih bersasar.

“Jumlah kutipan SST dianggarkan dua peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Pada tahun lalu kita

mencatatkan kutipan SST kira-kira RM45 bilion.

“Bagaimanapun ketika GST dilaksanakan sebelum ini, jumlah kutipannya melebihi tiga peratus daripada KDNK atau lebih RM60 bilion.

“Misalnya kita laksanakan GST, secara tahunan kita mungkin mampu mengutip lebih RM20 bilion, tetapi apa yang kerajaan lakukan melalui peluasan SST ini sebenarnya kurang daripada separuh jumlah berkenaan iaitu sasaran kita mengutip sekitar RM10 bilion secara tahunan.

“Ini kerana kerajaan cuba mengambil pendekatan yang lebih

beransur-ansur, sekali gus dapat mencari keseimbangan antara keperluan untuk meningkatkan hasil negara dan pada masa yang sama boleh mengurangkan kesan kepada rakyat,” katanya dalam podcast BFM89.9, semalam.

Terdahulu, Kementerian Kewangan memaklumkan peluasan skop SST akan dikuatkuasakan mulai 1 Julai ini memabitkan beberapa perkhidmatan profesional termasuk penyewaan ruang komersial.

Menurut kenyataan Kementerian Kewangan sebelum ini, peluasan SST adalah sebahagian daripada langkah penstrukturan

semula fiskal negara dan menyasarkan sektor yang sebelum ini tidak dikenakan cukai, bagi memastikan keadilan sistem percukaian.

Mengulas lanjut, Johan berkata kerajaan melihat bahawa sistem percukaian yang dilaksanakan di negara ini perlu ditanggung oleh mereka yang lebih mampu.

“Disebabkan itu, secara reka bentuk, pelaksanaan SST membolehkan sebahagian beban cukai ditanggung di peringkat perniagaan dan bukannya dipindahkan sepenuhnya kepada pengguna. Itulah sebahagian daripada falsafahnya,” katanya.

Ditanya sama ada rakyat perlu bersedia dengan peningkatan kos sara hidup sekali gus meningkatkan inflasi, Johan berkata kerajaan sudah mengambil kira hal itu dengan teliti.

“Kita sudah meneliti bakul pengguna atau indeks harga pengguna (CPI) bagi memastikan barangan tertentu dikenal pasti untuk kekal berada pada kadar sifar peratus.

“Atas sebab inilah, sesetengah penganalisis luar menganggarkan kesan terhadap inflasi sekitar 0.25 peratus, namun kita percaya bahawa kesan sebenarnya mungkin lebih rendah daripada itu,” katanya.